

Impak Pentaksiran Kendalian Sekolah untuk Pembelajaran (SBAfL) terhadap Gaya Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Brunei

The Impact of School Based Assessment for Learning (SBAfL) on Islamic Education Teachers' Teaching Style in Brunei

NORWATI ABU BAKAR¹, MOHD ISA HAMZAH² & AB. HALIM TAMURI^{2*}

¹Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding Author ; email: abhalim@ukm.edu.my

Received: 15 March 2023

Revised: 30 April 2023

Accepted: 12 July 2023

Publish: 1 September 2023

ABSTRAK

Umumnya, terdapat perubahan penting dalam sistem pentaksiran pendidikan di Brunei diperkenalkan dengan pelaksanaan Pentaksiran Kendalian Sekolah untuk Pembelajaran - School Based Assessment for Learning (SBAfL) termasuk mata pelajaran Pendidikan Islam. Kajian ini adalah untuk meneroka adakah pentaksiran SBAfL ini mempengaruhi gaya pengajaran guru-guru Pendidikan Islam. Kajian ini merupakan kajian fenomenologi yang menggunakan pendekatan kualitatif dan tujuh orang peserta telah dipilih berasaskan persampelan bertujuan. Data diperoleh melalui i) kaedah temu bual secara mendalam, ii) pemerhatian langsung di bilik darjah secara non-participant dan iii) bukti dokumen. Aspek kesahan dan kebolehpercayaan data dibuat melalui proses triangulasi, tempoh pemerhatian yang lama, persetujuan peserta kajian, penelitian rakan sebaya, dan bias pengkaji, kedudukan pengkaji, pengesahan pakar dan pencapaian penilaian pakar melalui Cohen Kappa. Dalam menjana tema dan sub-tema data dianalisis dengan bantuan perisian Atlas.ti 7.5.9. Secara keseluruhannya, pelaksanaan SBAfL bukan sahaja memberi pengaruh dari segi pedagogi guru pendidikan Islam malahan dari segi sikap dan penerimaan guru terhadap perubahan dan pembaikan dalam amalan pentaksiran di bilik darjah. Guru pendidikan Islam dalam kajian ini menerima dan dapat mengaplikasikan pembaharuan dalam pelaksanaan SBAfL mata pelajaran pendidikan Islam.

Kata kunci: Pengaruh; Pentaksiran Kendalian Sekolah; gaya pengajaran; guru; Pendidikan Islam

ABSTRACT

Generally, there is significant change in the Brunei education assessment system as the School Based Assessment for Learning (SBAfL) is introduced including for the subject of Islamic Education. This study is to explore whether the SBAfL has influenced the teaching styles among Islamic education teachers. This phenomenology study used qualitative approach which involved seven participants which was selected based purposive sampling method. The data were collected through i) deep interviews ii) direct non-participant observation in class rooms, and iii) documents-based evidence. The element of validity and reliability was carried out using triangulation process, continuous observation, participants' agreement, peer group analysis, researcher position, expert validation, and expert validations to measure inter-rater reliability using Cohen Kappa analysis. In generating theme and sub-theme, data were analysed using Atlas.ti 7.5.9 softwear. Generally, the implementation of SBAfL not only influenced the Islamic education teachers' pedagogy aspect, but also influenced the teachers' attitude and their acceptance towards changes and improvement of assessment practices in classroom. Thus, Islamic education teachers in this study accepted and were able to implement the changes of SBAfL in the Islamic education subject.

Keywords: Influence; School Based Assessment; teaching style; teacher; Islamic education

PENGENALAN

Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan sistem pendidikan negara pada tahun 2009 yang dikenali sebagai Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21) bagi meningkatkan kecemerlangan bidang pendidikan di negara Brunei Darussalam. Pelaksanaan SPN21 yang telah bermula pada tahun 2009 bertujuan untuk menyediakan pelajar dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran. Di samping itu, membekalkan mereka dengan nilai murni/tambah dan sikap mulia/terpuji melalui Pendidikan Islam dan konsep Melayu Islam Beraja, bagi memenuhi keperluan dan tuntutan zaman yang berubah (Jabatan Perkembangan Kurikulum 2009).

Dalam usaha menghasilkan pendidikan berkualiti, juga pengajaran dan pembelajaran yang cemerlang, SPN21 telah membawa beberapa perubahan besar dalam pendidikan di negara Brunei Darussalam. Salah satu daripada agenda perubahan itu adalah dari segi kaedah pentaksiran, iaitu yang dikenali sebagai Pentaksiran Kendalian Sekolah untuk Pembelajaran lebih dikenali sebagai SBAfL (*School Based Assessment for Learning*). Perubahan ini bertujuan untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran para guru, membantu guru-guru menyediakan maklumat untuk pelajar dan mengurangkan ujian dan peperiksaan berlebihan. Pihak Kementerian Pendidikan berharap melalui pentaksiran baharu ini, guru akan dapat memperbaiki mutu pengajaran dan seterusnya dapat mereka bentuk gaya pengajaran yang mampu mendatangkan keseronokan kepada pelajarannya. Hal ini adalah kerana pendekatan dan gaya pengajaran guru mempunyai implikasi yang sangat besar kepada keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Malah, dalam konteks pendidikan Islam, guru yang merupakan sebahagian daripada sekolah mempunyai peranan yang signifikan dalam pembentukan karakter dan tingkah laku pelajar-pelajar mereka (Tengku Sarina Aini et al. 2021; Zurina & Ashraf 2022)

Melalui pentaksiran baharu ini, peranan guru dalam SPN21 ini adalah mewujudkan kehendak baru dalam mengendalikan persekitaran pembelajaran yang lebih produktif. Oleh yang demikian, perubahan yang berlaku ini memberikan satu cabaran kepada guru-guru Pendidikan Islam supaya lebih proaktif dalam mempertingkatkan kemahiran, perlu mempelbagai gaya pengajaran dan melaksanakan gaya pengajaran yang lebih efektif demi merealisasikan hasrat Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21.

SOROTAN LITERATUR

Setengah abad lalu, Eropah menyaksikan beberapa pembaharuan pendidikan yang meletakkan pembaharuan pentaksiran sebagai satu isu penting pada agenda perubahan. Sebagaimana negara-negara di dunia barat, negara-negara Asia melalui perubahan pendidikan dengan dasar-dasar baru yang ditetapkan untuk menilai pelajar-pelajar mereka. Perubahan di Tanah Besar China, Hong Kong dan Taiwan bertujuan untuk membuat perubahan kepada pendidikan berorientasikan peperiksaan kepada pendidikan yang bertujuan untuk pembangunan keseluruhan diri pelajar. Guru-guru digalakkan untuk menggunakan pentaksiran untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, dapatan beberapa kajian menunjukkan bahawa terdapat jurang antara hasrat dan realiti.

Di kebanyakan bilik darjah, pengajaran masih berorientasikan peperiksaan (Berry & Adamson 2011). Pentaksiran ialah sebahagian besar daripada aktiviti proses pengajaran dan pembelajaran. Pentaksiran secara informal dan berterusan perlu dijalankan semasa pengajaran dan pembelajaran sedang berlaku supaya maklumat yang diperolehi melalui pentaksiran dapat digunakan untuk memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran (Abu Bakar & Bhasah 2008). Ramai pendidik dan ahli teori pentaksiran percaya bahawa integrasi pentaksiran dan pengajaran boleh meningkatkan kecekapan. Mereka yakin bahawa prosedur pentaksiran adalah alat yang sangat penting dalam pendidikan yang boleh meningkatkan pengajaran dan pembelajaran (Dochy et al. 2012).

Selain itu pentaksiran dalam bilik darjah adalah penting kerana pada asasnya boleh mengubah cara guru mengajar (Popham 2008). Menurut McMillan (2007), pentaksiran adalah pengumpulan, pentafsiran, dan penggunaan maklumat untuk membantu guru membuat keputusan. Pentaksiran juga boleh bertindak sebagai alat untuk menunjukkan kecekapan dan keberkesanan guru. Hal ini juga disokong oleh Paige dan Witty (2008) yang menjelaskan bahawa guru menggunakan pentaksiran untuk menentukan maklumat, kemahiran dan sikap yang diperlukan pelajar-pelajar mereka sebagai asas untuk perubahan pengajaran. Selain itu, pentaksiran juga boleh berfungsi sebagai alat pengajaran yang sangat kuat dan hasilnya dapat memberikan pelbagai maklumat keputusan pengajaran (Stiggins 2004). Pentaksiran mempengaruhi pengajaran

dan memaklumkan untuk pengajaran seterusnya (Popham 2001; McMillan 2000). Sebagai contoh, semasa aktiviti pengajaran formal, pentaksiran formatif membantu guru untuk mengetahui bila untuk memberi gerak balas, bila soalan perlu ditanya lagi, bila memberikan lebih banyak contoh, apa respons terhadap soalan pelajar yang paling sesuai.

Menurut Berry (2008), guru juga berperanan untuk memastikan sesuatu pentaksiran menyokong pembelajaran pelajar. Dengan menjadikan pentaksiran sebahagian daripada pengajaran dan pengalaman pembelajaran, guru boleh membantu semua pelajar untuk mengalami kejayaan. Guskey (2003) juga menekankan untuk guru-guru menjadikan pentaksiran bagi membimbing pengajaran mereka, mereka perlu menjadikan pentaksiran sebagai sebahagian daripada pengajaran mereka. Untuk meningkatkan penggunaan pentaksiran bilik darjah, guru perlu menukar kedua-dua pandangan mereka terhadap pentaksiran dan hasil tafsiran dari pentaksiran tersebut. William (2006) menyatakan bahawa latihan teratur dalam penggunaan pentaksiran untuk pembelajaran adalah kunci untuk mengubah guru paling teruk kepada guru-guru yang terbaik. Pentaksiran perlu dilaksanakan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran sama ada di peringkat permulaan kelas, pertengahan dan akhir untuk memandu perlakuan guru dan keputusan yang diambil selanjutnya (Gallagher 1998).

Oleh itu, pentaksiran perlu diintegrasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Bimbingan dan tunjuk ajar guru berdasarkan data dari pentaksiran adalah sangat signifikan dalam meningkatkan pembelajaran pelajar. Apabila sistem pentaksiran yang kukuh diintegrasikan dengan pengajaran dan pembelajaran, penggunaan sistem penilaian yang berbentuk berterusan, keberkesanan pengajaran boleh dilihat dan terdapat peningkatan pembelajaran yang sangat kukuh (Black & William 1998; Spandel 2001; Overall & Sangster 2003).

Dalam usaha untuk meningkatkan dan memantapkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah menengah, maka pihak Kementerian Pendidikan di negara Brunei Darussalam telah melaksanakan perubahan dalam kaedah pentaksiran dengan memperkenalkan 'Pentaksiran Kendalian Sekolah untuk Pembelajaran (PKSuP) atau lebih dikenali dalam kalangan guru-guru "SBAfL" sebagai tambahan kepada sistem pentaksiran yang sedia ada. SBAfL adalah gabungan antara Pentaksiran Kendalian Sekolah, "*School Based Assessment*" (SBA), yang telah diamalkan

secara meluas di sekolah-sekolah sejak pengenalan SPN21, dan Pentaksiran untuk Pembelajaran, "*Assessment for Learning*" (AfL). SBAfL adalah termasuk dalam komponen pentaksiran kendalian sekolah (SBA). Pentaksiran untuk pembelajaran yang baru ini dianggap sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan baru dalam ciri-ciri amalan pengajaran abad ke-21.

Melalui perubahan pentaksiran pentaksiran dilaksanakan secara berterusan semasa proses pengajaran dan pembelajaran untuk menilai pencapaian pelajar dalam menguasai pembelajaran, pelajara tidak hanya dinilai melalui peperiksaan akhir tahun dan berpusat. Pelaksanaan pentaksiran merupakan aspek yang sangat utama dalam sistem pendidikan. Kesediaan para pendidik terhadap corak dan bentuk pentaksiran adalah langkah kepada satu perubahan dalam sistem pendidikan Haziyah et al. (2021). Bahkan perubahan yang berlaku menghendaki untuk mengukur kemajuan pelajar kepada satu sistem di mana pelajar sendiri adalah rakan kongsi aktif dalam pembelajaran dan proses pentaksiran memberi faedah daripada maklum balas yang berkualiti tinggi dan sokongan pembelajaran berterusan. Guru yang berperanan sebagai role-model dalam pendidikan mempunyai fungsi dalam penting melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam dan luar bilik darjah (Mohamad Khairi et al. 2019). Kaedah pentaksiran ini boleh membantu untuk mempercepatkan pengajaran dan pembelajaran yang cemerlang (Chappius & Chappius 2008).

Melalui pelaksanaan PKSuP ini diharapkan akan dapat melahirkan pelajar dan masyarakat yang berkemahiran (*21st century skills*), kreatif dan inovatif, berdikari, mempunyai pemikiran yang kritis, orientasi kepada tujuan dan dinamik. Oleh yang demikian guru pendidikan Islam perlu menggunakan pelbagai strategi seperti mendorong untuk membantu pelajar ke arah pencapaian yang terbaik. Hal ini juga dijelaskan oleh Dochy (2001), bahawa matlamat utama pendidikan akademik adalah untuk menjadikan pelajar yang mempunyai pengetahuan dalam domain tertentu. Bagi mencapai matlamat tersebut perlu kepada pembangunan persekitaran pembelajaran yang lebih kuat yang merangkumi kedua-dua pengajaran dan pentaksiran untuk pembelajaran perlu dilaksanakan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran untuk memaksimumkan peluang mengumpulkan data pencapaian pelajar dan seterusnya digunakan untuk mengubah suai pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana pengajaran dan pembelajaran yang

dilaksanakan oleh guru perlu sesuai dengan kerana konsep pendidikan yang dilaksanakan mestilah mengikut keadaan dan perubahan semasa (Mutsalim 2020; Siti Rashidah 2020) Nur Hanani dan Ab. Halim (2019) telah menegaskan bahawa peranan guru pendidikan Islam kini menjadi semakin penting disebabkan keadaan dan realiti sistem pendidikan semasa yang memberikan pendidikan agama dan nilai positif di dalam atau luar bilik darjah.

Dengan pelaksanaan PKSUP, ia telah dijangka bahawa semua guru yang terlibat dengan idea pentaksiran untuk pembelajaran yang berterusan menyediakan persekitaran pembelajaran kondusif untuk pelajar belajar. Pentaksiran untuk pembelajaran sebagai bentuk pentaksiran formatif boleh dikatakan sebagai bahagian yang penting dalam proses pengajaran abad ke 21, apabila dimasukkan ke dalam amalan bilik darjah ia menyediakan maklumat yang diperlukan untuk menyesuaikan pengajaran dan pembelajaran semasa ianya berlaku. Namun peralihan daripada sistem pendidikan yang mementingkan peperiksaan kepada sistem pendidikan yang menggalakkan pentaksiran berterusan mungkin menjadi satu cabaran bagi kebanyakan guru-guru di Brunei termasuklah guru-guru Pendidikan Islam.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan untuk meneroka pelaksanaan PKSUP mempengaruhi gaya pengajaran guru-guru pendidikan Islam. Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini terbentuk daripada Pendekatan kualitatif melalui pelaksanaan kajian fenomenologi. Pemilihan pendekatan kualitatif dalam kajian ini adalah mengambil kira kelebihan yang terdapat pada kajian ini, antaranya: Maxwell (2005) telah menjelaskan bahawa penyelidikan kualitatif membantu pengkaji untuk memahami konteks tertentu sebagai lingkungan tindakan peserta, dan pengaruh konteks ini terhadap tindakan mereka. Taylor dan Bogdan (1984) memperakukan bahawa pendekatan kualitatif mampu memberikan maklumat dengan lebih jelas daripada perspektif peserta kajian melalui temu bual mendalam, pemerhatian dan analisis dokumen. Untuk memenuhi objektif kajian pengkaji telah memilih reka bentuk fenomenologi bagi kaedah kualitatif ini kerana pengalaman guru adalah fenomena yang menggambarkan kefahaman yang diperoleh dalam kehidupan mereka, yang sukar untuk dilihat, diukur dan dikira. Pemilihan penyelidikan fenomenologi

ini membantu pengkaji untuk meneroka gaya pengajaran yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah dengan mengenal pasti pengaruh PKSUP terhadap gaya pengajaran guru-guru Pendidikan Islam.

Pengkaji menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu kaedah temu bual mendalam, pemerhatian langsung dan analisis dokumen. Penggunaan pelbagai kaedah pengumpulan data dapat memberikan data yang lebih dipercayai, mendalam dan mewujudkan kesahan kontrak dan memberi gambaran holistik tentang pengajaran yang berlaku di bilik darjah (Bokdan dan Boklen 2003; Miles dan Huberman 1994).


Kesahan dan kebolehpercayaan merupakan dua perkara yang sangat penting bagi memastikan kajian yang dijalankan sah dan seterusnya hasil kajian boleh dipercayai bagi memperkukuhkan dapatan kajian. Sebagaimana menurut Creswell (1998), kesahan memainkan peranan penting dalam kajian kualitatif kerana ia adalah sumber yang kuat dan digunakan untuk menentukan ketepatan hasil kajian dan Merriam (1998) sepadan dengan realiti sebenar. Dalam kajian ini, proses kesahan dan kebolehpercayaan diperoleh melalui proses triangulasi, tempoh pemerhatian yang lama, persetujuan peserta kajian, penelitian rakan sebaya, dan bias pengkaji, kedudukan pengkaji, pengesahan pakar dan pencapaian penilaian pakar melalui Cohen Kappa.

Kajian fenomenologi memerlukan pengkaji memastikan setiap peserta kajian telah mengalami fenomena yang berkaitan dengan kajian (Moustakas 1994; Creswell 1998). Persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan dalam kajian ini bagi pemilihan peserta kajian dengan menentukan beberapa kriteria (Merriam 1998). Kajian ini hanya melibatkan tujuh orang guru yang mengajar mata pelajaran pengetahuan Agama Islam di sekolah menengah kerajaan sahaja. Ciri-ciri tertentu atau keperluan diperlukan telah ditetapkan bagi setiap peserta kajian untuk mengambil bahagian dalam kajian ini. Pemilihan terhadap guru tersebut berdasarkan pengetahuan mereka terhadap pentaksiran dalam SPN21 (SBAfL) kerana mereka ini telah diberi pendedahan kepada sistem pentaksiran baru ini melalui bengkel Program Perkembangan Profesional dalam SBAfL yang telah diberikan oleh Kementerian Pendidikan, yang diharapkan cukup untuk menyediakan data yang bermakna yang boleh dianalisis. Satu lagi keperluan penting peserta dalam kajian ini sedang mengajar sama ada

tahun tujuh atau tahun lapan. Pemilihan ini adalah disebabkan pelaksanaan SBAfL diberi penekanan kepada pelajar-pelajar dalam peringkat ini.

Pengumpulan data bagi kajian ini melibatkan temu bual, pemerhatian dengan peserta kajian dan bukti dokumen. Penggunaan pelbagai sumber dan triangulasi data akan membantu mengukuhkan kesahan dan kebolehpercayaan keputusan dan

kesimpulan (Merriam 1998). Marshall dan Rossman (2006) berpendapat bahawa pengumpulan dan analisis data perlu menjadi satu proses yang serentak dalam penyelidikan kualitatif. Untuk menganalisis dapatan data kajian ini dengan efektif dan berkesan, proses analisis data fenomenologi Colaizzi (1978) telah digunakan, sebagaimana rajah berikut (Rajah 1).



RAJAH 1. Ringkasan Strategi Colaizzi (1978) untuk analisis data fenomenologi (Adaptasi daripada Ghada t.th)

Selepas pengumpulan data, data-data yang dikumpul, disaring dan dikategorikan dianalisis dengan bantuan perisian Atlas.ti 7.5.9. Perisian ini tidak menganalisis data, tetapi pengkaji yang menganalisis data dengan berbantuan perisian Atlas.ti ini. Perisian Atlas.ti ini membantu pengkaji dalam mengenal pasti segmen teks, meletakkan label-label kategori atau tema kepada segmen dan menyusun atur semua segmen teks yang berkait dengan kategori-kategori spesifik. Ia banyak membantu dalam menyimpan dan mengekod data, membentuk sistem klasifikasi, enumerasi, mencari perhubungan dan menghasilkan grafik (Othman 2001).

Melalui perisian Atlas.ti ini pengkaji menganalisis data yang dikumpul melalui tiga peringkat iaitu peringkat pengekodan membuka (*open coding*), pengekodan sisi (*axial coding*) dan pengekodan memilih (*selective coding*) di mana setiap peringkat mempunyai tujuan penganalisan yang tersendiri. Menurut Bloomberg dan Volpe (2008) "*Through coding you have reduced your data and created grouping and subgroupings of information*". Semua proses pengekodan dilakukan dalam perisian Atlas.ti 7.5.9 bagi memudahkan pengurusan dan mempercepatkan analisis. Proses analisis data bermula sebaik saja proses penjanaan data dilaksanakan. Dalam kajian ini, pengkaji menyediakan hasil temu bual terlebih dahulu sebelum pemerhatian dan analisis dokumen.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan data dari temu bual, kajian mendapati pengaruh PKSUP terhadap gaya pengajaran GPI terbentuk daripada sembilan tema utama, tetapi dalam artikel ini hanya dijelaskan tiga sahaja. Tema-tema tersebut ialah: 1) Pengajaran berpusatkan pelajar, 2) Penggunaan pelbagai kaedah dan 3) Sikap guru. Penjelasan mengenai tema-tema ini dapat dilihat huraian, seperti berikut;

TEMA 1 : PENGAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR

Dalam konteks bilik darjah, pentaksiran adalah penting kerana pada asasnya boleh mengubah cara guru mengajar (Popham 2008). Pentaksiran dipercayai dan terbukti mempunyai impak penting ke atas pengajaran dan pembelajaran (Dochy et al. 2012). Berdasarkan hasil kajian, pelaksanaan Pentaksiran Kendalian Sekolah untuk Pembelajaran memberi pengaruh terhadap gaya pengajaran guru Pendidikan Islam. Daripada hasil kajian di

atas menunjukkan bahawa gaya pengajaran guru Pendidikan Islam lebih menurus kepada pengajaran berpusatkan pelajar berbanding sebelumnya yang lebih kepada berorientasikan guru. sebagaimana kenyataan Cikgu Rosinah, "...ia kan berpusat kepada pelajar... durang (mereka) aktif tu..." (Cikgu Rosinah, TB1: 319). Cikgu Rosinah seterusnya menjelaskan perkara sebegini akan membuatkan pelajar lebih aktif berbanding sebelumnya.

Kenyataan disokong oleh Cikgu Siti dalam temu bualnya menjelaskan gaya pengajaran guru yang jelas nyata sejak SBAfL dilaksanakan di dalam bilik darjah adalah berpusatkan kepada pelajar, "... lebih kepada *student center*... *student* yang banyak memberikan ideanya, yang banyak yang bergerak, saya sebagai pemudah cara untuk memudahkan pelajar..." (Cikgu Siti, TB1: 88). Oleh sebab itu, gaya pengajaran guru berubah daripada berpusatkan guru kepada berpusatkan pelajar. Hasil penemuan ini sejajar dengan kehendak kurikulum SPN21 yang memfokuskan kepada pendekatan pembelajaran "*Fun, Play and learn more*", iaitu menekankan proses pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar yang mengambil kira penglibatan secara aktif sama ada secara individu atau kumpulan. Malahan menurut al-Zarnuji, Rasulullah s.a.w sendiri sebagai seorang guru menginginkan murid-murid baginda untuk aktif dan belajar serta melakukan perkara-perkara sendiri (Khaled 2010/2011).

Hasil kajian ini sekali gus membuktikan bahawa guru Pendidikan Islam juga berusaha untuk mewujudkan pengajaran yang memusatkan kepada pelajar, sejajar dengan hasil kajian Zakaria (2011) bahawa guru-guru pendidikan Islam telah melaksanakan pendekatan pengajaran yang berpusatkan pelajar walaupun ia perlu kepada pembaikan. Hal ini menunjukkan bahawa guru-guru Pendidikan Islam telah berusaha ke arah perubahan dan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Dengan adanya pengajaran berpusatkan pelajar ini, guru berupaya memupuk dan mengembangkan kemahiran berfikir dan kreativiti dalam kalangan pelajar (Ahmad 2000).

TEMA 2 : PENGGUNAAN PELBAGAI KAEDAH

Selanjutnya, dapatan kajian juga menyatakan dalam Pendidikan Islam berlakunya gabungan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran. Berikut kenyataan daripada Cikgu Siti, "...setelah ada SBAfL, sudah diketahui student ada kemahiran yang berbagai-bagai, paksa guru mempelbagaikan kaedah pengajarannya..." (Cikgu Siti, TB1: 86).

Cikgu Kartika juga sependapat dengan Cikgu Siti bahawa kaedah pengajaran guru perlu dipelbagaikan jika dibandingkan dengan sebelum adanya SBAfL. Menurut beliau, “kalau dulu digunakan satu kaedah, sekarang ia lebih kepada kepelbagaian kaedah...” (Cikgu Kartika, TB1: 278). Sementara itu, Cikgu Serinah berpendapat SBAfL memberi peluang kepada guru untuk menggunakan pelbagai kaedah, “SBAfL itu (itu) membagi peluang kitani (kita) memakai pelbagai kaedah...” (Cikgu Serinah, TB1: 195). Tambah beliau, kaedah pengajaran guru “tidak semestinya tertumpu pada satu kaedah saja” (Cikgu Serinah, TB1: 195), tetapi boleh dipelbagaikan.

Penggunaan pelbagai kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran sememangnya amat digalakkan sejak dahulu lagi. Rasulullah s.a.w sendiri mempunyai pelbagai kaedah dalam menyampaikan pengajaran yang bersifat kognitif, efektif dan berbentuk psikomotor. Oleh sebab itu, guru pendidikan Islam hendaklah mempelbagaikan penggunaan kaedah pengajaran mereka dan tidak mengamalkan satu kaedah sahaja. Lebih banyak penggunaan kaedah adalah lebih baik kerana ia akan menjadi lebih menarik perhatian murid-murid yang diajar dan seterusnya melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran (Kamarul Azmi dan Ab. Halim 2007). Hal ini kerana dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran dapat mengurangkan masalah perbezaan individu dari segi intelek, emosi & fizikal dalam kalangan pelajar (Esah 2004), selain itu juga dapat menarik minat pelajar terhadap pengajaran guru (Killen 2005). Melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dipelbagaikan, hasil pembelajaran yang mencakupi aspek kognitif, afektif dan psikomotor dalam bentuk penggunaan maklumat, kemahiran, minat dan pembentukan sikap akan dapat dicapai (Kamarul Azmi & Ab. Halim 2007).

TEMA 3 : SIKAP GURU

Pelaksanaan PKSuP menghendaki guru untuk merancang pengajaran dan menyediakan bahan pengajaran yang pelbagai. Perkara ini secara tidak langsung menjadikan guru semakin kreatif (Cikgu Kartika, Cikgu Siti dan Cikgu Nurjanah), yakin (Cikgu Salmah, Cikgu Kartika dan Cikgu Siti).

Cikgu Kartika menyatakan pelaksanaan PKSuP telah mendorong seseorang guru untuk lebih kreatif dalam merancang pengajarannya dan menyediakan bahan-bahan pengajaran yang menarik dan pelbagai, “...guru lebih kreatif dan lebih berusaha dalam pengajarannya...” (Cikgu Kartika, TB3: 12). Perkara

ini bagi beliau adalah untuk memastikan pengajaran guru berkenaan memenuhi keperluan pelajar yang mempunyai pelbagai kemahiran di samping bagi memastikan objektif pembelajaran tercapai, “...guru perlu kreatif demi memenuhi keperluan pelajar yang mempunyai berbagai-bagai kebolehan...” (Cikgu Kartika, TB2: 27). Sifat kreatif guru bukan sahaja terbatas kepada kemampuan merancang pengajaran, juga meliputi daya kreativiti mengajar. Amalan sebegini sememangnya dapat menentukan daya tarikan minat pelajar untuk memberi perhatian kepada pembelajaran (Mohd Aderi 2015).


Seterusnya, selain kreatif, peserta kajian juga menyuarakan mengenai keyakinan guru meningkat sejak PKSuP diimplementasikan seperti yang diutarakan oleh Cikgu Salmah dalam temu bual, “...SBAfL memberi keyakinan kerana guru cuba berusaha menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran...” (Cikgu Salmah, TB3: 111). Bagi Cikgu Kartika pula, sifat yakin sememangnya sudah ada dalam diri setiap guru, tambahan lagi bagi beliau yang sudah berpengalaman mengajar selama 15 tahun. Namun beliau tidak menafikan sejak SBAfL diperkenalkan kepada mereka, keyakinan guru meningkat, “...tetapi SBAfL ini lebih meyakinkan guru mengajar...” (Cikgu Kartika, TB3: 156). Beliau seterusnya menjelaskan mengenai peningkatan tersebut adalah disebabkan guru didedahkan dengan pelbagai informasi ketika menghadiri kursus SBAfL.

Dalam temu bual ketiga, beliau menyatakan, “...SBAfL banyak memberi pengetahuan khususnya dalam pedagogi... asasnya masih sama cuma diperkenalkan cara-cara yang lebih bersistematik, penggunaan alat bantu mengajar yang baru...” (Cikgu Kartika, TB3: 167). Melalui pendedahan sebegini sekaligus telah membuka minda para guru untuk mula mencuba dan menggunakannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi beliau, perkara ini telah mendorong guru untuk memilih dan menggunakan kaedah pengajaran yang lebih relevan dengan masa kini. Ternyata cikgu Siti juga mempunyai pandangan yang sama dengan Cikgu Kartika. Beliau turut mengakui sifat yakin tersebut sememangnya ada dalam diri setiap guru tambahan lagi sejak SBAfL diimplementasikan di bilik darjah seperti kenyataan beliau, “...sifat yakin saya sudah tentu ada...” (Cikgu Siti, TB3: 67). Dalam hal ini beliau menjelaskan dengan adanya PKSuP, guru mengetahui hala tuju yang hendak dicapainya. Daripada hala tuju tersebut, guru dapat merancang pengajaran dengan lebih teratur demi mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan. Dengan ini,

keyakinan guru melaksanakan pengajaran di bilik darjah semestinya meningkat.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa setelah PKSuP diperkenalkan, ternyata guru mempunyai keyakinan dan semangat yang tinggi dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran jika dibandingkan dengan sebelum adanya PKSuP, seperti dalam kajian lepas yang mendapati guru-guru agama tidak berminat dan tidak yakin untuk mengaplikasikan pengajaran kreatif dalam pengajaran mereka, terutama dalam pengajaran Tauhid, Sejarah dan al-Quran (Nur-Ashikin 2007 & 2013).

Dapatan kajian telah menyumbang kepada pengetahuan baru kepada teori impak pentaksiran oleh Azizi (2010), Popham (2008), Kauchak dan Eggen (2007), Black dan William (1998). Kesan dari pentaksiran dikatakan membolehkan guru mengubah suai pengajaran dan pelbagai aktiviti pengajaran. Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji menambah aspek pengaruh SBAfL terhadap pengajaran guru, iaitu corak atau gaya pengajaran guru, penggunaan pelbagai kaedah dan sikap guru. Rajah 2 berikut menjelaskan gambaran dapatan tema yang diperolehi.



RAJAH 2. Dapatan tema-tema pelaksanaan SBAfL mempengaruhi gaya pengajaran guru

KESIMPULAN

Pelaksanaan SBAfL memberi pengaruh yang sangat positif terhadap gaya pengajaran guru pendidikan Islam yang meliputi pelbagai aspek. Pelaksanaan PKSuP (SBAfL) mempengaruhi corak pengajaran guru, iaitu daripada berpusatkan guru kepada pengajaran berpusatkan pelajar. Kesan gaya pengajaran berpusatkan pelajar ini akan menjadikan pelajar aktif dalam persekitaran pembelajaran, membolehkan pelajar membuat keputusan-keputusan penting mengenai pembelajaran serta membina pengalaman pembelajaran mereka sendiri. Hal ini akan memberikan pelajar input yang lebih banyak mengenai apa yang mereka belajar, bagaimana mereka belajar dan bila mereka mempelajarinya (Yun & Reigeluth 2011; Duckworth 2009; Brown 2008; Gibbs 1995). Selanjutnya,

dapatan kajian juga menyatakan dalam Pendidikan Islam berlakunya gabungan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan pelbagai kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran sememangnya amat digalakkan sejak dahulu lagi. Rasulullah s.a.w sendiri mempunyai pelbagai kaedah dalam menyampaikan pengajaran yang bersifat kognitif, efektif dan berbentuk psikomotor.

Selain itu, pelaksanaan PKSuP juga memberi pengaruh dari segi sikap dan penerimaan guru terhadap perubahan dan pembaikan dalam amalan pentaksiran di bilik darjah. Sebagaimana yang dijelaskan dalam model Dunkin dan Biddle (1974) yang menyatakan ciri-ciri yang terdapat dalam diri guru boleh mempengaruhi dan memberi kesan terhadap pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Ciri-ciri tersebut termasuklah pengalaman mengikut bengkel-bengkel, pengalaman latihan

mengajar, kemahiran mengajar, gaya pengajaran, motivasi dan keyakinan guru, pengetahuan kefahaman guru dan sikap guru. Semua ciri-ciri ini menjadi kesedaran kepada guru dan memberi motivasi kepada mereka untuk bertindak. Justeru sebagai seorang pendidik, guru perlu menerima dan berusaha mengaplikasikan setiap pembaharuan yang diperkenalkan demi mencapai hasrat dan kehendak wawasan 2035 yang ingin melahirkan warganegara yang berilmu, kreatif, kritis dan inovatif. Selain itu, guru juga berperanan sebagai tempat untuk memperkembangkan bakat, minat dan kebolehan pelajar serta wadah untuk membina daya pemikiran yang kritis dan kreatif pelajar sehingga mereka nanti dapat menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku di sekeliling mereka.

Implikasi dapatan kajian ini membuktikan akan perlunya bagi setiap guru di semua peringkat persekolahan untuk diberi pengetahuan dan kemahiran dalam PKSuP (SBAfL). Guru yang berkemahiran dalam pentaksiran khususnya pentaksiran untuk pembelajaran dapat meningkatkan motivasi, keyakinan dan kesungguhan pelajar untuk meneruskan aktiviti pembelajaran bahkan kesedaran guru untuk melengkapkan profesionalisme keguruan seterusnya menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidikan secara keseluruhan. Amalan pengajaran dapat meningkatkan aspek pembinaan ilmu dan pembangunan keperibadian pelajar dan pembelajaran yang berfokuskan kepada peperiksaan perlu dikurangkan. Justeru, dengan pelaksanaan SPN21 dan perubahan dalam sistem pentaksiran kepada PKSuP diharapkan dapat meningkatkan penyampaian pengajaran ke arah pembinaan ilmu pengetahuan dan melahirkan pelajar yang berfikir kreatif.

Oleh yang demikian Pentaksiran Kendalian Sekolah untuk Pembelajaran ini perlu dilaksanakan secara berterusan dan disepadukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran guru pendidikan Islam supaya dapat membantu meningkatkan pengajaran guru dan pembelajaran pelajar. Berdasarkan dapatan-dapatan kajian, pengkaji ingin mengemukakan cadangan yang wajar untuk dilaksanakan sebagai kajian lanjutan, iaitu: Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif yang hanya menumpukan penggunaan instrument temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen melalui peserta kajian yang terhad bilangannya. Dicapangkan kajian lanjutan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dan kuantitatif untuk mendapatkan data dan penemuan kajian yang lebih meluas

SUMBANGAN PENULIS

Kerangka konsep, Norwati dan Mohd Isa; metodologi, Norwati dan Ab. Halim; perisian, Norwati; keesahan, Norwati, Ab. Halim dan Mohd Isa; analisa data, Hafizhah dan Mohd Isa; penelitian, Norwati, Mohd Isa dan Ab Halim; bahan rujukan, Norwati, Mohd Isa dan Ab Halim; penyusunan data, Norwati dan Mohd Isa; penulisan deraf asal, Norwati dan Ab. Halim; semakan penulisan dan penyuntingan, Norwati dan Ab. Halim; pelaporan jadual, Norwati, Mohd Isa dan Ab. Halim; pengurusan projek, Norwati, Mohd Isa dan Ab. Halim; pemerolehan dana, Norwati. Semua penulis membaca dan bersetuju dengan manuskrip yang diterbitkan.”

RUJUKAN

- Abu Bakar Nordin & Bhasah Abu Bakar. 2008. *Pentaksiran dalam Pendidikan Sains Sosial*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad Yunus Kasim. 2010 Pengetahuan pedagogikal kandungan pengajaran akidah guru cemerlang pendidikan Islam: Satu kajian kes. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizi Ahmad & Mohd Isha Awang. 2008. *Pengukuran dan Penilaian Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berry, R. 2008. *Assessment For Learning*. Hongkong: Lammar Printing Co.Ltd.
- Berry, R. & Adamson, B. 2011. *Assessment Reform in Education; Policy and Practice*. Netherlands: Springer.
- Black, P. & William, D. 1998. Assessment and classroom learning. *Assessment in Education* 5(1): 7 – 73.
- Bloomberg, L. D. & Volpe, M. 2008. *Completing Your Qualitative Dissertation: A roadmap from Beginning to End*. Thousand Oaks, California: Sage Publications, Inc.
- Bogden, Q. C. & Biklen, S. K. 2003. *Qualitative Research for Education Introduction to Theories and Methods*. USA: Pearson Education Group. Inc.
- Bryne, M. M. 2001. Understanding life experiences through a phenomenological approach to research. *AORN Journal* 73(4): 830 – 832. Retrieved Pro Quest Education Journal database.
- Brown, J. K. 2008. Student-centered instruction: Involving students in their own education. *Music Educators Journal* 94(5).
- Chappius, S. & Chappius, J. 2008. The best value in formative assessment. *Educational Leadership* 65(4): 14 – 18.
- Chappius, S. & Chappius, J. 2008a. The best value in formative assessment. *Educational Leadership* 65(4): 14 – 19.

- Creswell, J. W. 1998. *Qualitative Research Design: Choosing Between Five Traditions*. Thousand Oaks, C.A: Sage.
- Dochy, F. J. R. 2001. A new assessment era: different needs, new challenges. *Research Dialogue in Learning and Instruction*.
- Dochy, F. J. R., et.al. 2012. *Integrating Assessment, Learning and Instruction: Assessment Domain – Specific and Domain – Transcending Prior Knowledge and Progress*. Netherlands Center For Educational Technology and Expertise.
- Duckworth, E. 2009. Helping students get to where ideas find them. *The New Educator* 5(3): 12
- Dunkin, M. J. & Biddle, B. J. 1974. *The Study of Teaching*. USA: Holt Rinehart and Winston Inc.
- Esah Sulaiman. 2004. *Pengenalalan Pedagogi*. Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ghada Abu Shosha. t. th. Employment of Colaizzi's strategy in Descriptive Phenomonology: A reflection of a researcher. *European Scientific Journal*. November edition, Vol. 8 (27): 23-44.
- Gallagher, J. D. 1998. *Classroom Assessment for Teachers*. New Jersey: Merril Prentice Hall.
- Gibbs, G. 1995. *Assessing Student Centred Courses*. Oxford: Oxford Centre for Staff Learning and Development.
- Guskey, T. R. 2003. How classroom assessment improve learning. *Using Data to Improve Student Achievement* 60(5): 6 – 11.
- Haziyah Hussin Najah Nadiyah Amran Nur Farhana Abdul Rahman 'Adawiyah Ismail & Zamzuri Zakaria. 2021. Amalan Pentaksiran Alternatif dalam Program Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam mendepani Cabaran Pandemik COVID-19. *Islamiyyat*, 43(1): 3-14.
- Jabatan Perkembangan Kurikulum. 2009. *Sistem Pendidikan Negara Brunei Abad ke-21 (SPN21)*. Bandar Seri Begawan: Kementerian Pendidikan.
- KamarulAzmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor Darul Ta'zim: Cetak Ratu Sdn. Bhd.
- Kauchak, D. P. & Eggen, P. D. 2007. *Learning and Teaching Research – Based method*. USA: Pearson Education Inc.
- Khaled al-Khalediy. 2010/2011. Education and Methods of Teaching in Islam in the Era of Az-Zarnuji. *Al-Jami'* 4-3, 23 – 60.
- Killen. R. 2005. *Effective Teaching Strategies: Lessons from Research and Practice*. Australia, Thonson: Social Science Press.
- Marshall, C. & Rossman, G. B. 2006. *Designing Qualitative Research* 4th Ed. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Maxwell, J. A. 2005. *Qualitative Research Design: An Interactive Approach*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- McMillan, J. H. 2000. Fundamental Assessment Principles for Teachers and school Administrators. *Practical Assessment, Research and Evaluation* 7(8). <http://Pareonline.net/getvn.asp?v=7&n=8> [20 April 2012].
- McMillan, J. H. 2007. *Classroom Assessment: Principles and Practice for Effective Standards Based Instruction*. 4th edition. Pearson Education. Inc.
- Merriam, S. B. 1998. *Qualitative Research and Case Study Applications in Eeducation*. San Francisco, CA: Josey-Bass.
- Miles, M. B. & Huberman, A. M. 1994. *Qualitative Data Analysis*. 2nd ed. Thousand Oak California: Sage Publication.
- Mohamad Khairi Othman, Alis Puteh, Mohd. Zailani Mohd Yusoff & Fauziah Abdul Rahim. 2019. Keperluan Penggunaan Modul Etika Kerja Guru dalam Meningkatkan Penghayatan Nilai Pelajar *Islamiyyat*, 41(1): 49-57.
- Mohd. Aderi Che Noh. 2015. *Pengajaran dan Pembelajaran Tilawah Al-Qur'an Sekolah Menengah di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Moustakas, C. 1994. *Phenomenological Research Methods*. Thousand Oaks, California: Sage Publications.
- Mutsalim Khareng, Rohanee Machae, Heloh Khaekphong & Jaffary Awang. 2020. Tahap Profesionalisme Guru Agama dan Keberkesanannya di Maahad Muhammadi Perempuan, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia. *International Journal of Islamic Thought* 17(Jun): 78-89.
- Nur-Ashikin Pg. Hj. Petra. 2007. Creative teaching and effective learning able to produce excellent students. Paper presented in Teaching and Learning Workshop. Bandar Seri Begawan: Ministry of Religious Affairs.
- Nur-Ashikin Pg. Hj. Petra. 2013. Creative teaching of Islamic Religious Knowledge in secondary schools in Brunei. Tesis Doktor Falsafah dalam Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa, Kuala Lumpur.
- Nur Hanani Hussin & Ab Halim Tamuri. 2019. Embedding values in teaching Islamic education among excellent teachers, *Journal for Multicultural Education* 13(1): 2-18.
- Othman Mohamed. 2001. *Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Selangor: Universiti Putra Malaysia
- Overall, L. & Sangster, M. 2003. *Primary Teacher's Handbook*. London: Confinium.
- Paige, R. R. & Witty, E. P. 2008. Assessment as instructional support: Policies and practices. dlm. C. A. Dwyer (pnyt). *The Future of Assessment: Shaping Teaching and Learning*, hlm. 215 – 228. New Jersey: Lawrence Erlbaum.
- Paige, R. R. & Witty, E. P. 2008. Assessment as instructional support: Policies and practices. Dlm. *The Future of Assessment: Shaping Teaching and Learning*, disunting oleh C. A. Dwyer, 53 – 82. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum.

- Popham, W. J. 2008. *Transformative Assessment*. Alexandria, Virginia: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Popham, W. J. 2001. *The Truth About Testing: An Educator's Call for Action*. Alexandria, Virginia: Association for Supervision and curriculum Development.
- Siti Rashidah Abd Razak. 2020. Isu pendidikan guru tahfiz: Pengetahuan pedagogi dan amalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di pusat tahfiz persendirian di Selangor. *Islāmiyyāt* 42(Isu Khas): 101-106.
- Spandel, V. 2001. *Creative Writers: Through 6 Trait Writing Assessment and Instruction* (3rd Ed). London: Addison Wesley Longman Inc.
- Stiggins, R. 2004. *Student-Involved Assessment for Learning*. Columbus, OH: Merrill Prentice Hall.
- Taylor, S. J. & Bogdan, R. 1984. *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings*. New York: John Wiley and Sons.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Yusmini Md Yusoff & Fadillah Mansor. 2021. Building student character through contextual learning approach: Islamic education novice teachers' experiences *Islamiyyat* 43(2): 39-52.
- William, D. 2006. *Assessment for learning: why, what and how*. <http://www.dylanwilliam.net>.
- Yun-Jo An & Reigeluth, C. 2011. Creating technology-enhanced, learner-centered classroom: K-12 teachers' beliefs, perceptions, barriers and support needs. *Journal of Digital Learning in Teacher Education* 28(2): 54 – 61.
- Zakaria Abdullah. 2012. Pengajaran dan pembelajaran berasaskan pendekatan berpusatkan pelajar dalam Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan. *Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Zurina Zakaria & Ashraf Ismail. 2022. Personality Traits of Muslim Teachers: A Brief Overview. *Islamiyyat* 44(2): 123-135.